

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **[PERDANA MENTERI]** menyatakan tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan berkenaan pemfailan semakan kehakiman kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai pertikaian Pulau Batu Puteh berdasarkan komitmen yang dizahirkan oleh bekas Timbalan Menteri Luar Negeri dalam Parlimen pada 2 Julai 2019.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 24 Julai 2003, Malaysia dan Singapura secara bersama-sama telah bersetuju untuk memfailkan kes pertikaian di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk menentukan kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Seterusnya, ICJ pada 23 Mei 2008 telah mengumumkan keputusan bagi tuntutan ke atas kedaulatan terhadap Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan seperti berikut:

- (i) Singapura telah memperoleh kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh;
- (ii) Malaysia mengekalkan kedaulatan terhadap Batuan Tengah; dan
- (iii) kedaulatan terhadap Tubir Selatan sebagai elevasi air surut dimiliki oleh negara yang dalam laut wilayahnya ia terletak.

Berdasarkan **article 61 statut ICJ**, semakan boleh dibuat sepuluh (10) tahun dari keputusan penghakiman ICJ pada **23 Mei 2008**. Oleh itu permohonan semakan perlu dibuat sebelum atau pada **23 Mei 2018**. Justeru itu, pada **4 Ogos 2016** terdapat penemuan **tiga (3) dokumen baharu** yang tidak pernah dikemukakan kepada ICJ. Mengikut artikel 61, statut ICJ permohonan semakan perlu dibuat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penemuan fakta baharu. Oleh itu, pemfailan perlu dibuat sebelum atau pada **3 Februari 2017**.

Pada **Januari 2017**, YAB Perdana Menteri ketika itu telah bersetuju agar permohonan semakan dibuat sebelum atau pada **3 Februari 2017**. Pada **30 Jun 2017**, kerajaan telah memfailkan Permintaan Tafsiran

terhadap keputusan kes Pedra Branca selaras dengan **Artikel 60 Statut ICJ**.

Walau bagaimanapun, Kerajaan pada 2018 tidak meneruskan permohonan semakan dan tafsiran terhadap keputusan tersebut di hadapan ICJ. Ini mendorong Kerajaan pada **8 Oktober 2021 dan 29 Oktober 2021** untuk menubuhkan pasukan petugas khas yang diketuai oleh mantan Peguam Negara bagi menyemak semula undang-undang berkenaan kes Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah and Tubir Selatan dan mengesyorkan opsyen terbaik mengenai hala tuju Kerajaan berhubung kes berkenaan.

Dalam hal ini, Kerajaan yakin penubuhan pasukan petugas khas ini akan diterima baik semua pihak sekaligus menunjukkan bahawa Kerajaan tidak berkompromi dalam mempertahankan kedaulatan negara. Pada masa yang sama, isu-isu dasar sensitif seumpama ini yang melibatkan aspek kedaulatan negara wajar mendapat nasihat dan pandangan daripada Peguam Negara selaras dengan Perkara 145(2) Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat berdasarkan lunas perundangan.

Sekian, terima kasih.